

Waspada semasa berkongsi nombor telefon



Anda mungkin terdedah kepada pencuri data peribadi

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Putrajaya: Ramai pengguna telefon mudah alih tidak menyedari bahawa sikap gemar menyertai platform sembang sosial seperti WhatsApp mendedahkan data peribadi mereka kepada penceroboh data.

Hasil Kaji Selidik Pengguna Internet yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi tahun 2020 mendapati sebanyak 98.7 peratus penduduk di negara ini menggunakan WhatsApp sebagai aplikasi komunikasi utama.

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia, Mazmalek

legram tanpa kepentingan yang signifikan bagi mengelakkan berlakunya kecurian data peribadi mereka tanpa disedari.

"Ini kerana apabila kita tidak kenal semua ahli kumpulan WhatsApp, kemungkinan dalam kalangan keahlian terdapat *scammer* atau ejen telepemasaran yang boleh menyedut semua nombor telefon dan akan meninggalkan kumpulan setelah mendapatkan maklumat yang diperlukan.

"Ini adalah salah satu taktik yang sering digunakan oleh sindiket penipuan atau telepemasaran untuk memiliki nombor telefon secara mudah dan menjual nombor telefon kepada pihak yang mempromosikan produk atau perkhidmatan yang tidak diinginkan.

"Katakanlah seseorang itu mempunyai 30 kumpulan WhatsApp dengan 20 ahli dalamnya, maka seramai 600 individu memiliki nombor telefonnya," katanya.

KAJI SELIDIK PENGGUNA INTERNET TAHUN 2020

3 Aplikasi Komunikasi Utama



Whatsapp
98.7%
2018: 98.1%



Facebook Messenger
53.9%
2018: 55.6%



Telegram
40.1%
2018: 25.0%

3 Aplikasi Media Sosial Utama



Facebook
91.7%
2018: 97.3%



Youtube
80.6%
2018: 48.3%



Instagram
63.1%
2018: 57.0%

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Bantuan pihak media

Sehubungan itu, beliau berharap pihak media dapat membantu JPDP memperluaskan kempen kesedaran perlindungan data peribadi kepada masyarakat awam supaya orang ramai menyedari hak mereka sebagai pemilik data, di samping menjaga data peribadi seperti mana mereka menjaga harta benda sendiri.

"Berikutan peningkatan isu penyalahgunaan data peribadi dalam urusan jual beli secara dalam talian, jenayah *scammer*, penjualan data peribadi dan kecurian identiti, JPDP memperhebatkan lagi kempen kesedaran. Ini dilaksanakan melalui perkongsian di media cetak, media elektronik dan media sosial, edaran bahan-bahan bercetak, pameran serta jerayawara, tamrahnya.

Buat masa ini, terdapat 13 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar di bawah Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia iaitu sektor komunikasi; perbankan dan institusi

sederhana (SME) tidak perlu berdaftar, tetapi perlu mematuhi peruntukan yang termaktub dalam Akta 709.

Mazmalek juga menjelaskan, Akta 709 adalah tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, JPDP sentiasa menasihati agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mengaplikasikan prinsip pengurusan data peribadi seperti mana yang terkandung dalam Akta 709 sebagai amalan terbaik demi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap jaminan perlindungan data peribadi oleh kerajaan.

Dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran penduduk luar bandar, JPDP bekerjasama dengan SKMM untuk melatih pengurus Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDI) melalui silibus yang mudah agar mereka boleh mengajar komuniti untuk menguruskan data peribadi sebaiknya.

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia, Mazmalek Mohamad, berkata sebarang data peribadi yang dikongsi ketika transaksi komersial adalah di bawah pengawalan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Menurut beliau, data peribadi termasuklah nama penuh, nombor kad pengenalan atau pasport, e-mel, gambar, tarikh lahir, nombor telefon serta alamat.

“Nombor telefon data peribadi yang paling dikehendaki ketika ini dan berisiko untuk disalah guna oleh pencuri data. Berbanding butiran akaun bank yang memerlukan nombor pin keselamatan atau Kod Pengaktifan Transaksi (TAC) enam digit untuk diakses,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu taklimat kepada media di Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau menasihati pengguna untuk berhati-hati apabila menyertai sebarang aplikasi komunikasi seperti WhatsApp dan Te-

Akta lindungi kepentingan pemilik data peribadi

Pada sesi taklimat itu, Mazmalek menjelaskan bahawa wujudnya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] yang telah berkuat kuasa sejak 15 November 2013 adalah untuk melindungi kepentingan pemilik data peribadi dengan mengawal selia pemrosesan data peribadi oleh Pengguna Data dalam kalangan individu mahupun organisasi komersial.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) berfungsi sebagai sebuah badan yang mengawal selia penguatkuasaan Akta 709.

Akta 709 menjelaskan bahawa Pengguna Data perlu mematuhi tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang ditetapkan di bawah Penggal 1, Akta tersebut. Antara prinsip utama adalah Pengguna Data tidak boleh mem-

proses data peribadi tanpa persetujuan pemilik data.

Sebelum memproses data peribadi seseorang, Pengguna Data perlu memaklumkan tujuan pengambilan data, hak mengakses dan penzahiran kepada pihak ketiga.

“Sepanjang kita mengadakan program *outreach* di seluruh negara, masih ramai yang kurang mengetahui hak mereka sebagai pemilik data peribadi,” kata beliau.

“Pengguna dinasihatkan berhati-hati apabila menyertai sebarang aplikasi komunikasi seperti WhatsApp dan Telegram tanpa kepentingan yang signifikan bagi mengelakkan berlakunya kecurian data peribadi mereka tanpa disedari.”

Mazmalek Mohamad,
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

nikasi; perbankan dan institusi kewangan; insurans; kesihatan; pelancongan dan hospitaliti; pengangkutan (syarikat penerbangan); pendidikan; jualan langsung; perkhidmatan; pemaju perumahan; utiliti, pajak gadai dan pemberi pinjaman wang berlesen.

Tingkat tahap kesedaran

Sementara itu, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengusaha industri kecil dan

badi sebakinya.

Pada masa sama, beliau mengingatkan orang awam agar tidak sewenang-wenangnya berkongsi data peribadi dengan pihak luar, baca dan fahami terma dan syarat atau notis perlindungan data peribadi sebelum berkongsi data peribadi dan meminimumkan perkongsian data peribadi di dalam media sosial.



Hak kita tarik balik penggunaan data peribadi

Putrajaya: Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] memperuntukkan hak individu untuk menarik balik persetujuan penggunaan data peribadi mereka dalam mana-mana transaksi komersial seperti perbankan, komunikasi dan hartanah, kata Pesuruhjaya Perlindungan Data Pe-

ribadi Malaysia, Mazmalek Mohamad.

“Individu berkenaan perlu terlebih dahulu menyemak kontrak atau dokumen perjanjian yang telah dibuat, kerana kebiasaannya ada klausa mengenai persetujuan memberi kebenaran untuk mempromosikan produk

atau perkhidmatan lain dan kebanyakan pelanggan tidak sedar dan mereka membenarkan data peribadi digunakan untuk tujuan promosi,” jelas beliau.

Akta 709 menggariskan Hak-Hak Subjek Data dalam usaha melindungi kepentingan individu selaku pemilik data pe-

ribadi. Antara hak-hak tersebut ialah mengakses data peribadi, membetulkan data peribadi, menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi, menghalang pemrosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distress dan menghalang pemrosesan bagi maksud pema-

saran langsung.

Mazmalek meminta orang ramai untuk menyalurkan sebarang aduan berhubung penyalahgunaan data peribadi dalam transaksi komersial kepada JPDP melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi di <https://daftar.pdp.gov.my>